



جابتن حال إحوال اِكْلام إِسلام قولواو قِينْخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**BADAR AL-KUBRA:
MENGAJAR ERTI
PERGANTUNGAN**



Tarikh Bacaan:
6 MAC 2026M / 16 RAMADAN 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Badar al-Kubra: Mengajar Erti Pergantungan

6 Mac 2026M/ 16 Ramadan 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ يُوَادُّونَ مَنْ حَادَّ اللَّهَ
وَرَسُولَهُ وَلَوْ كَانُوا آبَاءَهُمْ أَوْ أَبْنَاءَهُمْ أَوْ إِخْوَانَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ ... ﴿١١﴾ سورة المجادلة
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

PARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Khatib menyeru diri sendiri serta para hadirin agar bersama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* sejajar dengan meningkatnya usia kita di atas dunia.

Marilah kita memberi tumpuan sepenuhnya kepada khutbah yang akan khatib sampaikan ini. Hentikan perbuatan bersebang, membuat bising, bermain *game* dan gajet serta tidur dengan sengaja. Allah sentiasa melihat perbuatan kita.

Walaupun dalam teriknya Ramadan, ketika kita mengadu letih dan dahaga, hakikatnya bulan yang mulia ini pernah menyimpan sebuah kisah agung. Kisah perjuangan yang mengubah sejarah umat Islam, iaitu Perang Badar Al-Kubra. Ia merupakan peristiwa yang terlalu besar untuk

dihuraikan secara menyeluruh dalam satu khutbah. Namun begitu, khatib ingin menyingkap beberapa butiran penting daripada peristiwa Badar, agar daripadanya dapat kita petik pengajaran dan pedoman, khususnya dalam mendepani cabaran kehidupan. Justeru, berdasarkan peristiwa bersejarah tersebut, khutbah pada hari ini bertajuk: **Badar Al-Kubra Mengajar Erti Pergantungan.**

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Perang Badar Al-Kubra yang berlaku pada 17 Ramadan tahun ke-2 Hijrah bukan semata-mata kisah senjata dan darah, tetapi kisah iman, doa, ketaatan dan pengorbanan. Jika umat hari ini mahu kemenangan, kembalilah kepada jalan Badar, iman yang jujur, doa yang hidup, ketaatan yang jitu dan pengorbanan yang agung.

Kecintaan kepada Allah dan Rasul melebihi segala-galanya. Inilah kunci pertama kekuatan umat Islam. Dalam peristiwa Perang Badar, Saad bin Muaz selaku wakil Al-Ansar, ketika Nabi ﷺ meminta pendapat tentang kaum Al-Ansar menyertai Perang Badar, katanya, “Demi Tuhan yang mengutuskanmu dengan kebenaran, sekiranya engkau membawa kami meredah lautan ini lalu engkau meredahnya, nescaya kami akan meredahnya bersamamu, dan tidak seorang pun daripada kami akan ketinggalan.”

Firman Allah *سُبْحَانَہُ وَتَعَالَى* dalam surah al-Mujadalah ayat 22 yang bermaksud:

“Kamu (Wahai Muhammad) tidak akan mendapati suatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat saling berkasih sayang dengan

orang yang menentang (perintah) Allah dan rasul-Nya sekalipun orang yang menentang itu adalah bapa, anak, saudara atau keluarga mereka sendiri....”

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN,

Sirah Badar juga membuktikan bahawa betapa besarnya kasih dan cinta Rasulullah ﷺ terhadap kita. Kata Saidina Ali رَضِيَ اللهُ عَنْهُ dalam mafhum hadis:

“Pada malam Badar, semua kami tidur kecuali Rasulullah ﷺ. Baginda bersolat dan berdoa sambil menangis hingga subuh.”

Dalam hadis Riwayat Muslim pula Saidina Umar رَضِيَ اللهُ عَنْهُ menceritakan:

فَلَمْ يَزَلْ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يُنَادِي رَبَّهُ وَيَدْعُوهُ حَتَّى سَقَطَ رِدَاؤُهُ عَنْ مَنْكَبِيهِ

Maksudnya: *“Rasulullah ﷺ terus merayu dan berdoa kepada Tuhannya sehingga jatuh selendang Baginda dari kedua bahunya.”*

(Hadis Riwayat Muslim)

Kata Saidina Ali, “Sesungguhnya kami pada Hari Badar, berlindung di belakang Rasulullah sedangkan baginda adalah orang yang paling hampir dengan musuh dan baginda adalah orang yang paling kuat dan berani pada hari itu.”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Badar Al-Kubra juga membuktikan kepada kita tentang mustajabnya doa dan pertolongan Allah. Tentera Muslimin yang hanya berjumlah 313 orang, tanpa persiapan perang yang lengkap, dengan kelengkapan yang sangat terhad. Berbekalkan hanya dua ekor kuda, unta pula dikongsi bergilir-gilir dan sebahagian besar para sahabat tanpa baju besi. Namun mereka berhadapan dengan Tentera Musyrikin Quraisy seramai 1,000 orang tentera yang lengkap bersenjata. Firman Allah dalam surah al-Anfal ayat 9:

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمِدُّكُمْ بِأَلْفٍ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ مُرَدِّينَ ﴿٩﴾

Maksudnya: *“(Ingatlah ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhan kamu, lalu Dia perkenankan permohonan kamu (dengan firman-Nya), “Sesungguhnya Aku akan membantu kamu dengan seribu (bala tentera) dari malaikat yang datang berturut-turut.”*

Ketika kita merasa lemah, yakinlah kita punya Allah Yang Maha gagah. Ketika merasa mustahil dan buntu, yakinlah kita punya Allah yang berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Hari ini dunia dikuasai oleh kuasa besar yang memiliki teknologi canggih, senjata moden dan pengaruh ekonomi global, sedangkan banyak negara Islam masih bergelut dengan konflik, kemiskinan dan perpecahan.

Namun sejarah Badar mengajar kita bahawa kehebatan bukan pada senjata, tetapi pada iman dan pergantungan kepada Allah. Jika Allah mampu memenangkan umat Islam di Badar ketika mereka lemah dan serba kekurangan, maka Allah juga mampu mengubah nasib umat hari

ini, apabila kita kembali kepada iman, kesatuan dan ketaatan kepada-Nya.

Mutakhir ini kita dikejutkan dengan serangan Israel dan Amerika terhadap Iran dengan matlamat Zionis untuk melebarkan penguasaan mereka ke atas Asia Barat dengan projek ISRAELRAYA. Moga semangat Badar dapat disemai dalam jiwa umat Islam keseluruhannya demi meningkatkan keimanan dan kesatuan dalam menghadapi serangan dan konspirasi puak Zionis dan musuh Islam ini.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Justeru, sebagai menutup khutbah, suka khatib ingatkan semula pengajaran penting dari sirah Badar Al-Kubra ini.

Pertama: Kemenangan datang daripada Allah, bukan kekuatan manusia. Badar membuktikan bahawa iman dan tawakkal lebih menentukan kejayaan daripada bilangan, senjata dan teknologi.

Kedua: Doa dan pergantungan kepada Allah adalah senjata utama orang beriman. Pertolongan Allah turun apabila Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ dan para sahabat benar-benar bergantung kepadanya.

Ketiga: Kesatuan dan ketaatan melahirkan kekuatan umat. Para sahabat menang kerana bersatu dan taat kepada Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, bukan kerana kehebatan individu.

Keempat: Kepimpinan mesti dimulai dengan contoh dan pengorbanan. Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ memimpin dengan doa, keberanian, dan berada paling hampir di medan, bukan sekadar memberi arahan.

Kelima: Kualiti iman mengatasi kuantiti bilangan. Seramai 313 orang yang beriman lebih bernilai di sisi Allah daripada ribuan manusia yang kosong imannya.

Firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 123:

وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ أَذِلَّةٌ فَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢٣﴾

Maksudnya: *“Dan sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam Peperangan Badar sedangkan (ketika itu) kamu orang yang lemah (disebabkan bilangan kamu sedikit dan kekurangan peralatan perang). Oleh itu, bertakwalah kepada Allah supaya kamu mensyukurinya (kemenangan itu).”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bersempena peristiwa Nuzul Quran pada hari ini, kita dikejutkan dengan isu penghinaan terhadap al-Quran yang amat menyentuh hati umat Islam. Ketahuilah bahawa, al-Quran ialah kalam Allah yang wajib dimuliakan, bukan sekadar dijaga zahirnya bahkan dihayati dan diamalkan ajarannya. Perbuatan menghina atau mempersendakannya adalah dosa besar yang mencabar kesucian agama.

Sekiranya perbuatan menghina al-Quran itu dilakukan oleh orang bukan Islam, maka kita tetap bertegas bahawa ia adalah tindakan yang salah, biadab dan mencabar keharmonian negara. Namun Islam tidak mengajar kita membalas kebiadaban dengan kebiadaban.

Tanggungjawab kita ialah mempertahankan kesucian al-Quran dengan hujah, akhlak dan saluran undang-undang.

Perkukuhkan hubungan kita dengan al-Quran melalui bacaan, tadabbur dan pengamalan. Itulah jawapan terbaik umat yang berpegang teguh kepada wahyu Ilahi.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَأَتَّقَكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيئِيًا خُصُوصًا وَوَلَايَةً فُؤَلَاوِ فَيَنْبَغِ آمِنًا مُطْمَئِنًّا
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG